

Dasar Perlindungan Data Peribadi dan Notis Privasi ASNB

Perlindungan privasi anda sebagai pelanggan Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197901003200 (47457-V)) ("ASNB") yang dihargai adalah amat penting kepada kami dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan anda terhadap produk dan perkhidmatan ASNB adalah salah satu keutamaan kami. Oleh itu, ASNB komited untuk memastikan privasi data peribadi dan maklumat kewangan anda serta apa-apa maklumat atau data lain yang berkenaan ("Maklumat") yang telah didedahkan oleh anda atau sedang diguna pakai atau diselenggara oleh ASNB, adalah terpelihara dan dilindungi pada setiap masa.

Tujuan Dasar Perlindungan Data Peribadi dan Notis Privasi ("Dasar") ini adalah bagi mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") dan undang-undang lain yang terpakai, dan hendaklah dibaca dan dirujuk sebagai notis rasmi ASNB dalam menerangkan bagaimana kami mengurus, melindungi, mengumpul, menghimpun dan memproses Maklumat anda.

Bagi tujuan Dasar ini, istilah "kami" atau "kita" adalah merujuk kepada ASNB dan istilah "anda" adalah merujuk kepada semua pelanggan ASNB (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang unit kami, pelawat dan pengguna laman web ini).

1. Pengumpulan Maklumat

- 1.1 Kami mengumpul Maklumat daripada anda melalui pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) secara langsung daripada anda atau dengan kebenaran anda;
 - (ii) apabila anda melawat laman web kami;
 - (iii) apabila anda mendaftar di laman web kami dan/atau platform dalam talian digital lain termasuk aplikasi peranti mudah alih kami ('Aplikasi');
 - (iv) apabila anda menggunakan perkhidmatan kami;
 - (v) apabila anda memohon perkhidmatan dalam talian kami melalui portal / laman web ASNB;
 - (vi) apabila anda menyerahkan sebarang borang, termasuk tetapi tidak terhad kepada, borang permohonan atau borang lain yang berkaitan dengan perkhidmatan kami, sama ada secara dalam talian atau dalam bentuk fizikal;
 - (vii) apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui panggilan telefon (yang mungkin dirakam), surat, faks, pertemuan bersemuka, platform media sosial, "chatbot", "live chat" dan/atau emel;
 - (viii) apabila anda melanggan produk kami;
 - (ix) apabila anda menjalankan transaksi melalui perkhidmatan kami;
 - (x) apabila anda menyediakan kepada kami termasuk sebagai sebahagian daripada hubungan perniagaan atau kontrak;
 - (xi) apabila anda memberikan maklum balas atau aduan kepada kami;
 - (xii) apabila kami mengumpul data daripada sumber pihak ketiga dan/atau pangkalan data awam; dan/atau
 - (xiii) melalui sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

Perkara di atas adalah tidak muktamad dan adalah beberapa contoh biasa bagaimana Maklumat anda mungkin dikumpul.

- 1.2 Maklumat yang kami kumpul secara amnya merangkumi sebarang data tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) nama anda, alamat rumah, alamat emel, nombor telefon (termasuk telefon

bimbit), tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, agama, nombor Kad Pengenalan, tandatangan, pekerjaan, majikan, pendapatan bulanan serta maklumat kewangan seperti nama bank dan nombor akaun bank;

- (ii) maklumat peribadi yang dikumpul dari penyerahan resume anda kepada kami bagi tujuan permohonan pekerjaan;
- (iii) maklumat peribadi yang dikemukakan jika anda menyertai sebarang kaji selidik, pertandingan atau peraduan yang dikendalikan oleh kami;
- (iv) sebarang komen, maklum balas, aduan atau mesej yang dihantarmelalui e-mel, perbualan telefon, faks atau pos dan melalui platform dalam talian kami seperti laman web, media sosial dan Aplikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi seperti nama, e-mel, alamat, nombor telefon dan maklumat kewangan; dan/atau
- (v) maklumat lain yang mungkin diperlukan dari semasa ke semasa untuk operasi perniagaan kami.

2. Penggunaan Maklumat

- 2.1 Maklumat yang kami kumpul dan perolehi daripada anda digunakan dalam cara berikut:
 - (i) Untuk melaksanakan kewajipan kami yang timbul daripada sebarang perjanjian, kontrak dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh ASNB yang dimeterai antara anda dan ASNB dan/atau kumpulan syarikat kami.
 - (ii) Untuk mematuhi semua perundangan, undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
 - (iii) Untuk menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan dalam urusan biasa perniagaan kami dan bagi mematuhi kewajipan kami dan sebarang permintaan yang diterima dari dalaman atau badan kawal selia atau institusi kewangan, mengenai saringan latar belakang dan keselamatan.
 - (iv) Untuk menyedia dan melaksanakan dokumen undang-undang.
 - (v) Untuk menyediakan apa-apa Maklumat yang anda minta daripada kami atau pada pandangan kami mungkin memberi manfaat kepada anda.
 - (vi) Untuk memproses pembayaran dan mematuhi kewajipan perakaunan dan cukai kami.
 - (vii) Untuk tujuan pentadbiran.
 - (viii) Untuk mematuhi kewajipan kami mengenai kawalan keselamatan Maklumat dalam ASNB dan/atau kumpulan syarikat kami bagi melindungi Maklumat daripada sebarang capaian yang tidak dibenarkan.
 - (ix) Untuk menyiasat aduan dan transaksi yang disyaki mencurigakan berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang diurus dan disediakan oleh ASNB.
- 2.2 Walau bagaimanapun, penggunaan Maklumat oleh pihak kami mungkin juga diperluaskan untuk tujuan lain seperti bagi mematuhi semua perundangan, undang-undang dan peraturan yang terpakai, untuk mencegah transaksi penipuan, untuk membangunkan pengiklanan yang bersesuaian dengan minat anda dan untuk menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan produk dan perkhidmatan kami yang diurus dan disediakan oleh ASNB.
- 2.3 Pengemukaan Maklumat anda kepada kami adalah wajib. Jika anda tidak mengemukakan Maklumat anda untuk kegunaan bagi tujuan yang dinyatakan di sini, anda mungkin dilarang daripada melanggani atau menggunakan sepenuhnya produk dan perkhidmatan kami, yang mana pihak kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan.

3. Pendedahan Maklumat

- 3.1 Kami tidak akan mendedahkan Maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan telah mendapat persetujuan anda.
- 3.2 Anda seterusnya bersetuju bahawa kami dibenarkan untuk berkongsi Maklumat anda dalam kalangan kumpulan syarikat dan ejen sah kami (yang telah bersetuju untuk merahsiakan Maklumat tersebut) dalam menjalankan perniagaan kami tetapi hanya dalam keadaan di mana perkongsian Maklumat tersebut mematuhi undang-undang, sebarang perjanjian yang ditandatangani antara kami dan ejen sah kami dan dasar serta amalan kami.
- 3.3 Dari semasa ke semasa, kami mungkin memeterai perjanjian dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga, dalam dan/atau luar Malaysia, bagi penyediaan “*Cloud Services*” dan perkhidmatan lain kepada kami. Dalam keadaan tersebut, kami perlu berkongsi Maklumat anda dengan mereka. Di bawah perjanjian ini, kami hanya menyediakan kepada pembekal perkhidmatan kami dengan Maklumat yang mereka perlukan untuk melaksanakan perkhidmatan mereka dan kami meminta mereka untuk melindungi kerahsiaan Maklumat tersebut dan tidak menggunakan mereka bagi tujuan lain.

“*Cloud Services*” bermaksud ketersediaan sumber sistem komputer berdasarkan permintaan, terutamanya penyimpanan data dan sumber pengkomputeran (sebagai contoh, kuasa pengkomputeran, rangkaian, pelayan, tempat penyimpanan data, aplikasi dan perkhidmatan) yang disediakan oleh Pembekal Perkhidmatan “*Cloud Services*” yang boleh diperuntukkan dengan pantas dan dikeluarkan dengan usaha pengurusan yang minimum atau interaksi dengan penyedia perkhidmatan.

Pembekal Perkhidmatan “*Cloud Services*” merujuk kepada organisasi komersial yang menyediakan “*Cloud Services*” kepada pekerja kami yang mengguna dan mengakses perkhidmatan “*Cloud Services*” yang dilanggan oleh ASNB.

- 3.4 Sebagai contoh, kami mungkin bergantung pada penyedia perkhidmatan untuk:
 - (i) Mencetak penyata pengagihan pendapatan atau penyata pegangan atau penyata suku tahunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau penyata urusniaga terperinci dan menghantarnya kepada anda.
 - (ii) Mencetak laporan interim / tahunan produk kami dan menghantarnya kepada anda.
 - (iii) Menjalankan penyelidikan dan menganalisis data bagi tujuan penambahbaikan produk dan perkhidmatan kami yang ditawarkan.
- 3.5 Kami juga mungkin dikehendaki untuk mendedah atau memindahkan Maklumat anda di luar Malaysia untuk tujuan dan/atau kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini. Pemindahan Maklumat anda di luar Malaysia juga mungkin diperlukan sekiranya anda melancong, menetap atau berpangkalan di luar Malaysia.
- 3.6 Jika anda tidak mahu nama dan butiran perhubungan anda digunakan oleh kami atau penyedia perkhidmatan kami bagi tujuan penghantaran sebarang bahan pemasaran atau anda tidak mahu dihubungi oleh kami bagi penjualan dan promosi sebarang produk atau perkhidmatan melalui pengeposan sebarang bahan, sila maklumkan kepada kami melalui e-mel di asnbcare@pnb.com.my atau dengan menulis ke alamat yang dinyatakan dalam Klausu 7 di bawah.
- 3.7 Walau apa pun peruntukan umum Dasar ini, kami boleh mendedahkan Maklumat anda kepada pihak ketiga yang lain sekiranya pendedahan tersebut:
 - (i) adalah bagi mematuhi mana-mana perintah kehakiman atau keperluan undang-undang;

- (ii) diminta atau dibenarkan oleh anda; dan/atau
 - (iii) dibenarkan atau diperlukan secara sah.
- 3.8 Dengan meneruskan penggunaan laman web ini, anda dianggap menyetujui Penggunaan Maklumat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2 dan Pendedahan Maklumat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 ini.
4. Keselamatan Maklumat
- 4.1 Kami komited untuk memastikan Maklumat anda dilindungi. Kami mempunyai prosedur fizikal, teknikal dan pentadbiran yang sesuai untuk melindungi Maklumat anda daripada hilang, disalahgunakan atau diubah. Walaupun kami sedaya upaya memastikan semua privasi Maklumat disimpan dengan selamat, kami tidak dapat menjamin Maklumat anda tidak akan didedahkan dalam cara yang tidak konsisten dengan Dasar ini disebabkan oleh tindakan pihak ketiga yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang.
5. Penyimpanan Maklumat
- 5.1 Maklumat anda akan disimpan di dalam pelayan dan di tempat penyimpanan yang sepatutnya yang diselenggara/disediakan oleh kami. Tempoh penyimpanan Maklumat anda adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis dokumen dan disimpan mengikut dasar dan prosedur penyimpanan dalam kami.
6. Ketepatan Maklumat
- 6.1 Kami mengambil langkah-langkah wajar bagi memastikan Maklumat anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
- 6.2 Sila pastikan ketepatan dan kesempurnaan Maklumat yang anda dedah atau kongsikan dengan kami. Sila kemaskini dan maklumkan kepada kami secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan pada Maklumat anda.
- 6.3 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan lain mengenai Maklumat anda, sila hubungi atau e-mel kami di nombor dan alamat yang dinyatakan dalam Klausa 7 di bawah.
7. Akses kepada Maklumat
- 7.1 Anda mempunyai hak untuk mengakses Maklumat anda yang disimpan oleh kami dan memohon untuk mengemaskini atau membuat pembetulan Maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan.
- 7.2 Sekiranya anda memohon untuk mengakses Maklumat anda atau untuk membuat pembetulan atau jika anda ingin menarik balik persetujuan anda bagi pemprosesan Maklumat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2, anda boleh membuat permintaan secara bertulis kepada alamat berikut:
- Amanah Saham Nasional Berhad,
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, UG,
Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

No. Telefon : 03-7730 8899
E-mel : asnbcare@pnb.com.my

8. Pautan Laman Web dan Pindaan kepada Dasar ini

- 8.1 Jika anda dihalakan ke laman web pihak ketiga daripada platform dalam talian kami, sila semak dasar perlindungan data peribadi dan notis privasi yang relevan yang disiarkan di laman web tersebut.
- 8.2 Kami berhak membuat perubahan kepada Dasar ini dan perubahan tersebut akan dimaklumkan dengan sewajarnya. Kami menggalakkan pelanggan kami untuk kerap melawat laman web ini untuk sebarang perubahan kepada Dasar ini. Penggunaan berterusan perkhidmatan dan laman web ASNB ini oleh anda adalah dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap pindaan Dasar ini.

9. Bahasa

- 9.1 Selaras dengan Seksyen 7(3) Akta, Dasar ini diterbitkan dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- 9.2 Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.